TEPAT.BENAR.BEBAS

Date and Time: 10/09/2025 03:44:32 PM

Berita → BERITA

Audit dalaman yang telus penting bendung rasuah, ketirisan - Anwar

By | Published: September 9, 2025, 1:30 pm

Kongsi

KUALA LUMPUR 9 Sept - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan audit dan audit dalaman merupakan elemen penting dalam pentadbiran negara sekiranya kerajaan benar-benar serius mahu mengekang ketirisan, rasuah serta kelemahan tadbir urus.

Menurutnya, tanpa kawalan telus serta sistem semak dan imbang yang kukuh, kekuatan ekonomi semata-mata tidak mampu menyelesaikan masalah besar yang dihadapi negara.

“Seperti mana Datuk Seri Suraya (Ketua Audit Negara) tahu, saya berikan ruang seluas mungkin supaya jentera kerajaan diawasi dan dipantau lebih dekat dan ini harus mendapat kerjasama sepenuhnya dengan Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Konfederasi Juruaudit Dalaman Asia 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), pagi tadi.

Turut hadir ialah Ketua Audit Negara, Datuk Seri Suraya Wan Mohd Radzi.

Anwar turut mengingatkan bahawa pengalaman negara berdepan skandal kewangan, termasuk 1MDB, membuktikan kelemahan pengawasan dan penglibatan pihak juruaudit serta institusi kewangan antarabangsa boleh membawa kesan besar.

“Seperti yang kita alami dalam banyak skandal kewangan sebelum ini termasuk skandal 1MDB, ia tidak mungkin berlaku tanpa penglibatan juruaudit, juruaudit dalaman dan institusi kewangan antarabangsa.

“Kita mesti mengambilnya sebagai cabaran untuk menyelamatkan masyarakat serta negara daripada penyelewengan ini. Maka kita harus memahami maksud sebenar sistem semak dan imbang; keperluan untuk bertindak dengan penuh ketelusan, akauntabiliti dan amanah. Inilah asas yang membolehkan institusi bertahan, khususnya apabila diuji,” katanya lagi.

Dalam pada itu, beliau menzahirkan penghargaan kepada pihak yang berani dan tegas membersihkan kerajaan serta syarikat daripada amalan menyalahi peraturan.

“Saya ucap terima kasih dan penghargaan kepada rakan-rakan kerana mereka tunjukkan sikap dan keberanian dan ketegasan membersihkan jentera sama ada kerajaan atau syarikat-syarikat kerajaan dan swasta daripada kebiasaan melanggar peraturan ini,” katanya.

Menyentuh usaha pembaharuan institusi, Anwar menjelaskan pengukuhan Jabatan Audit Negara adalah langkah kritikal walaupun tidak popular.

Katanya, pindaan pertama Akta Audit selepas 33 tahun telah dilaksanakan bagi memperkukuh mandat jabatan itu supaya dana awam dilindungi serta pesalah dibawa ke muka pengadilan.

“Melalui pindaan pertama Akta Audit dalam tempoh 33 tahun, ia mungkin bukan reformasi yang glamor, tetapi ia adalah pembaharuan penting.

“Sejak 2024, audit susulan berjaya memulihkan serta melindungi dana berjumlah RM159 juta,” katanya.

Beliau menambah, empat garis panduan audit baharu juga telah diperkenalkan pada awal tahun ini bagi mewajibkan semua penerima dana awam mematuhi prinsip pengurusan wang rakyat.

berkaitan kerajaan, yayasan, apa sahaja sebaik menerima dana awam, mereka mesti mematuhi prinsip pengurusan wang
ngkah ini akan membantu membendung ketirisan dan rasuah,” ujarnya.

BERITA BERKAITAN

September 10, 2025, 1:29 pm

SPRM mohon batal pasport menantu Muhyiddin

September 10, 2025, 1:22 pm

Wanita mohon maaf fitnah Fadhlina sepupu pengetua sekolah arwah Zara Qairina

September 10, 2025, 12:28 pm

Kerajaan haramkan penjualan vape sepenuhnya secara berperingkat

September 10, 2025, 12:24 pm

Bekas pegawai agama didakwa 16 pertuduhan pecah amanah RM30,250

MEDIA TELUS
TEPAT . BENAR . BEBAS

TEPAT.BENAR.BEBAS

Bahagian Berita

terkini

Berita

Jenayah

Politik

Viral

Sukan

Bahagian Berita

Hiburan

Ekonomi

Dunia

Santai

Infografik

Tag Carian

Media Telus terkini Berita Jenayah Politik Viral Sukan Hiburan Ekonomi Dunia Santai Infografik

Copyright © 2025, Media Telus